Al-Quran yang Belum kita Baca

"Oh, ada ayat begini dalam al-Quran?!" Seolah-olahnya kita baru pertama kali membaca ayat itu. Pengalaman rohani ini sungguh mengasyikkan. Orang yang hafal dan faham al-Quran pun ada ketika melalui pengalaman ini. Para sahabat Nabi dahulu pun pernah alami. Menerusi lebih 50 kisah pendek dalam buku ini, penulis ingin berkongsi perasaan ini. Antara yang menarik:

Kisah 3 - Nabi Menangis
Kisah 4 - Cagar Dulu
Kisah 15 - Pujuk Suami
Kisah 32 - Sakit Sebulan
Kisah 35 - Semua Masuk Neraka!
Kisah 48 - Roti dan Kacang Dal
Kisah 60 - Menangis

LUQMAN MAKHTAR penulis sepenuh masa kelahiran Bachok, Kelantan dan kini menetap di Rawang, Selangor. Mantan editor Majalah *Solusi* dan *Al-Ustaz* ini sebelum ini menghadirkan trilogi buku *Asam Garam Rumah Tangga Nabi SAW* yang mendapat sambutan hangat. Doakan beliau terus istiqamah menghasilkan buku agama yang bermanfaat untuk umat.

Sem. Malaysia: **RM27.00**
Sabah & Sarawak: **RM29.00**

9 789671 647554

AL-QURAN YANG BELUM KITA BACA

LUQMAN MAKHTAR

LIDI MEDIA

50 KISAH YANG MEMBUATKAN KITA BERKATA,

Al-Quran yang Belum kita Baca

"OH! ADA AYAT INI DALAM AL-QURAN?!"

LUQMAN MAKHTAR

KANDUNGAN

Kata Penulis ix
Bagaimana Saya Menyusun Buku Ini x

Bahagian Pertama

1 – Buta 3
2 – Anak-anak 5
3 – Nabi Menangis 7
4 – Cagar Dulu 9
5 – Terlewat 11
6 – 1, 2, 3... 14
7 – 30, 40, 50... 18
8 – 100, 1000, 10 000 20
9 – Tak Jumpa Pun! 22
10 – Botak 24
11 – Gelap 26
12 – Panjang 28
13 – Sabar 30
14 – Pujuk Diri Sabar 32
15 – Pujuk Suami 35
16 – Allah Marah! 38
17 – Tahan Marah 40
18 – Kerana Salam 43
19 – Baiki 45
20 – Sayidina Uthman Jahat? 47

AYBKB.indd 5 2/5/21 9:54 AM



1 Buta

Ada seorang tuan guru yang buta sejak lahir. Walaupun begitu, beliau hafal al-Quran sepenuhnya. Beliau pernah berkata, "Aku tidak rasa sedih pun dilahirkan buta melainkan dua perkara ini sahaja yang aku rasa ralat tidak dapat melihatnya; manusia dan langit!

Hal ini kerana Allah sebut tentang manusia,

لَقَدْ خَلَقْنَا ٱلْإِنسَٰنَ فِىٓ أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ﴿٤﴾

Ertinya: 'Sesungguhnya Kami menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya.' (*Surah al-Tin* 95: 4)

Adapun tentang langit, Allah menyebutkan,

وَلَقَدْ جَعَلْنَا فِى ٱلسَّمَآءِ بُرُوجًا وَزَيَّنَّٰهَا لِلنَّٰظِرِينَ ﴿١٦﴾

Ertinya: 'Sungguh Kami jadikan di langit gugusan-gugusan bintang dan Kami turut hiasi langit itu bagi orang yang melihatnya.' (*Surah al-Hijr* 15: 16)

AYBKB.indd 3 2/5/21 9:54 AM

Catatan

1. Saya sangat tersentak ketika pertama kali membaca kisah ini. Sejujurnya, ayat kedua betul-betul saya rasa seperti baru pertama kali membacanya.

2. Kita hanya perasan dan menghargai nikmat yang kita miliki daripada orang yang tidak bernasib baik merasainya. Contoh, anak-anak akan menghargai nikmat ibu bapa jika mereka berkenalan dengan rakan yang berstatus anak yatim piatu.

3. Ada beberapa tempat Allah ulang sebut hal langit yang dihiasi bintang ini. Antaranya dalam surah Fussilat, ayat 12. Allah berfirman,

وَزَيَّنَّا ٱلسَّمَآءَ ٱلدُّنْيَا بِمَصَٰبِيحَ وَحِفْظًا

Ertinya: "Dan Kami hiasi langit dunia dengan lampu-lampu (bintang) dan sebagai pelindung." (*Surah Fussilat* 41: 12)

Menariknya, setiap kali Allah sebutkan fungsi bintang sebagai perhiasan langit, Allah sebut juga fungsi keduanya iaitu sebagai pelindung. Ayuh kita sama-sama terokai maknanya. Mengapakah dikatakan bintang itu juga pelindung, bukan sekadar penghias langit?

Ada 4 surah mula dengan إِنَّا*; 'Sesungguhnya Kami': al-Fath, Nun, al-Qadr dan al-Kawthar.*

AYBKB.indd 4 2/5/21 9:54 AM

59 Air Mata Palsu

Abu Qudamah Haris bin Ubaid al-'Iyadi menceritakan bahawa sekumpulan orang datang berjumpa Hasan al-Basri. Mereka berkata, "Wahai Abu Said, kami mengikuti halaqah zikir, lalu kami lihat sebahagian orang datang dan terus menangis. Manakala kami tidak mampu untuk menangis."

Hasan al-Basri menjawab, "Meskipun mata tidak menangis, hati dan amal menangis. Betapa ramai orang yang matanya menangis sedangkan air matanya palsu."

Kemudian dia membaca ayat;

وَجَآءُوٓ أَبَاهُمۡ عِشَآءٗ يَبۡكُونَ ١٦

Ertinya: "Mereka mendatangi ayah mereka pada petang itu sambil berpura-pura menangis." (*Surah Yusuf* 12: 16)

Catatan

1. Petikan ayat di atas ialah sedutan daripada kisah Nabi Yusuf iaitu ketika abang-abangnya pulang ke rumah dalam keadaan buat-buat menangis dek kematian Yusuf.

AYBKB.indd 135 2/5/21 9:54 AM

2. Kata-kata Imam Hasan al-Basri sangat menarik perhatian saya. Pencerahan beliau memahamkan kita akan hakikat sebenar memahami al-Quran. Ada orang yang mudah tersentuh hatinya mendengar bacaan al-Quran. Bahkan ada yang sampai menangis. Bukan kerana insaf ditegur ayat tetapi dek emosinya terbuai oleh kesyahduan alunan bacaan dan suara qari. Bukan ini yang kita cari!

Nabi Musa ialah nabi yang paling kerap namanya Allah sebut dalam al-Quran iaitu sebanyak 136 kali.

AYBKB.indd 136 2/5/21 9:54 AM